

**Title** : Kualiti Kehidupan Masyarakat Selepas Pandemik Covid-19 Dari Pelbagai Disiplin Sains Sosial (Psikologi, Sosiologi, Geografi & Politik)

**Author(s)** : Nurul Nazieha binti Mohumad Nazi

**Institution** : Universiti Kebangsaan Malaysia

**Category** : Article, Competition

**Topics** : Sosiologi, Psikologi, Geografi, Politik

## **TAJUK:**

# **KUALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT SELEPAS PANDEMIK COVID-19 DARI PELBAGAI DISIPLIN SAINS SOSIAL (PSIKOLOGI, SOSIOLOGI, GEOGRAFI & POLITIK)**

## **DISEDIAKAN OLEH:**

**NURUL NAZIEHA BINTI MOHUMAD NAZI**

### **1.0 PENGENALAN**

Terdapat pelbagai pandangan kendalian kualiti hidup yang boleh kita perolehi pada masa kini. Malah, secara lazimnya kualiti hidup ini juga turut dikaitkan dengan infrastruktur sosial dan juga fizikal masyarakat. Hal ini memperlihatkan kepada kita bahawa kualiti hidup sesuatu masyarakat itu adalah saling bergantung dengan kemudahan yang tersedia. Misalnya, kualiti kehidupan akan menjadi baik sekiranya apa yang tersedia di sekeliling masyarakat itu juga baik. Tetapi tidak dinafikan juga bahawa masyarakat itu sendiri perlu memainkan peranan penting dalam mencorakkan kualiti kehidupan mereka. Hal ini bermaksud bahawa masyarakat juga perlu memberikan penerimaan yang baik terhadap persekitaran mereka. Ianya sekaligus telah menunjukkan bahawa wujudnya satu bentuk toleransi dalam hal ini, di mana masyarakat perlulah menerima atau menolak keadaan persekitaran yang tersedia.

Selain itu, konsep kualiti hidup ini juga kita dapat lihat melalui pelbagai pandangan ahli pengkaji di seluruh dunia. Misalnya, Carlsson menyatakan bahawa konsep kualiti hidup adalah pelbagai dan ianya juga melahirkan banyak angkubah dalam kajian sebegini (Carlsson et al. 2002). Manakala, pernyataan yang diberikan oleh Cummins (1999) dan Lim et al, (1999) yang menyatakan bahawa terdapat hampir lebih 100 maksud yang telah diberikan terhadap kualiti hidup juga telah membuktikan bahawa wujudnya pelbagai dimensi dalam kajian ini. Oleh itu, artikel ini akan membicarakan tentang kualiti kehidupan masyarakat selepas pandemik daripada pelbagai disiplin sains sosial yang melibatkan aspek psikologi, sosiologi, geografi dan politik.

## **2.0 KUALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT SELEPAS PANDEMIK COVID-19 DALAM DISIPLIN SAINS SOSIAL DARI SEGI PSIKOLOGI**

Disiplin sains sosial dari segi psikologi adalah merupakan suatu kajian ke atas jiwa manusia. Ia juga merujuk kepada kajian tentang minda atau proses personaliti, mental, emosi dan juga tingkah laku individu, dimana tingkah laku seseorang itu boleh dipengaruhi oleh tingkah laku orang lain. Selain itu, ia juga merupakan satu kajian tentang proses interaksi bersemuka. Bukan itu sahaja, malah ia juga mempunyai sub disiplin psikologi. Antara sub disiplinnya adalah psikologi kaunseling, psikologi industri dan organisasi, psikologi klinikal, psikologi pendidikan dan psikologi kanak-kanak. Walau terdapat banyak pecahannya namun matlamat dan tujuannya hanyalah satu iaitu untuk menyampaikan kefahaman serta pengetahuan terhadap sifat tabii, tingkah laku serta jiwa manusia.

Kualiti kehidupan masyarakat selepas pandemik covid-19 dari segi psikologi dilihat akan meninggalkan kesan dan impak yang sangat dahsyat. Hal ini adalah ekoran daripada pandemik Covid 19 yang telah melanda di seluruh dunia. Salah satu kesan kualiti hidup masyarakat yang terkesan dari segi psikologi ini adalah kebanyakan masyarakat mungkin akan mengalami tekanan. Dalam erti kata lain, masyarakat mungkin juga akan mengalami krisis jiwa dan mental akibat daripada pandemik Covid 19 ini. Pernyataan ini juga telah disokong oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun yang mengakui bahawa isu berkaitan krisis jiwa dalam kalangan masyarakat kini adalah berpunca daripada masalah kehilangan pendapatan, berjauhan dari keluarga dan kegelisahan yang melampau. Oleh itu, tidak mustahil kualiti kehidupan masyarakat akan semakin terjejas berikutan dengan ketidaktentuan hidup yang terpaksa mereka hadapi.

Terdapat banyak punca yang menyebabkan masyarakat mengalami tekanan perasaan selepas pandemic ini dan antaranya adalah akibat daripada penggunaan teknologi secara maksima. Apa yang dimaksudkan dengan tekanan yang diperolehi daripada penggunaan teknologi adalah apabila mereka terpaksa menghadapi pelbagai masalah misalnya dari segi capaian internet. Umum mengetahui bahawa rakyat telah dilarang untuk menjalani kehidupan secara kebiasaannya dan mereka diminta untuk tetap tinggal di rumah masing-masing. Ooleh itu rakyat sangat bergantung terhadap capaian internet mereka bagi menjalani kehidupan seharian mereka tidak kira samaada sebagai pekerja, pelajar, peniaga dan sebagainya. Sekiranya capaian internet di kawasan mereka tidak memberikan kerjasama yang baik,

bagaimana mereka dapat menyiapkan dan menjalani rutin harian tersebut. Oleh kerana kegagalan itulah akhirnya membawa kepada tahap tekanan yang melampau kepada rakyat yang mungkin akan menjejaskan kualiti kehidupan mereka yang lain secara tidak langsung.

Selain daripada mengalami krisis jiwa akibat penggunaan teknologi, masyarakat juga berisiko untuk tertekan dek kerana keadaan ekonomi negara yang makin terjejas teruk. Perlu diperjelaskan bahawa pandemik ini bukanlah hanya melibatkan bidang perubatan, tetapi turut menjejaskan ekonomi secara tidak langsung. Misalnya sektor pelancongan, perniagaan dan juga produktiviti organisasi yang kini menunjukkan kadar penurunan yang ketara kerana orang ramai tidak lagi pergi melancong dan sebagainya kerana terpaksa menjalani kuarantin. Para karyawan dan pekerja juga turut ditawarkan cuti tanpa gaji ekoran perintah berkurung yang dijalankan oleh kerajaan. Malah ada juga yang lagi teruk apabila terdapat sebilangan masyarakat yang terpaksa diberhentikan kerja akibat syarikat tidak mampu lagi membiayai mereka disebabkan oleh keadaan ekonomi yang semakin terjejas. Kesannya, apabila kehilangan sumber pendapatan yang tetap maka banyak keperluan seharian terpaksa dihadkan. Hal ini sekaligus membawa kepada tekanan kepada masyarakat dimana bagi masyarakat yang kurang berkemampuan, mereka terpaksa mencari jalan penyelesaian bagi masalah ekonomi ini.

Malah, kualiti kehidupan masyarakat juga mungkin akan terjejas dari segi psikologi sekiranya mereka mengalami masalah keresahan dan kebimbangan yang melampau. Punca masyarakat merasakan perasaan sebegini adalah kerana penularan wabak koronavirus sepanjang tahun 2020. Misalnya kita ambil satu contoh yang paling mudah, disebabkan oleh kebimbangan terhadap ancaman wabak ini, ramai masyarakat yang membuat pembelian secara panik (panic buying) serta mengumpul barangan yang penting seperti topeng muka dan pencui tangan sehingga ia sukar didapati di pasaran lagi. Buktinya, ramai yang berkongsi imej serta video rak pasar raya yang kosong serta perebutan dalam pembelian barangan keperluan di media sosial. Jadi jelaslah di sini betapa kebimbangan tersebut telah mendorong pelbagai jenis tingkah laku yang tidak sepatutnya. Selain dari itu, ada juga masyarakat juga mula mengalami gejala gemuruh seperti berasa cemas, sukar tidur dan merasakan bahawa kesihatan mereka juga telah terjejas.

Masyarakat sepatutnya memfokuskan diri mereka terhadap kepentingan penjagaan diri dengan mengamalkan pemakanan yang sihat dan juga seimbang, bersenam, mendapatkan tidur yang cukup, mengurangkan pengambilan minuman berkafein serta mengelakkan

pengambilan alkohol, rokok dan dadah. Selain itu, masyarakat juga dinasihatkan agar meneruskan jadual atau rutin harian yang teratur serta rehat yang secukupnya. Teknik relaksi seperti kawalan pernafasan, mendengar muzik serta mengendurkan otot dapat membantu mengurangkan rasa gemuruh.

### **3.0 KUALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT SELEPAS PANDEMIK COVID-19 DALAM DISIPLIN SAINS SOSIAL DARI SEGI SOSIOLOGI**

Maksud disiplin sains sosial dari segi sosiologi pula adalah merupakan suatu kajian sistematik terhadap hubungan dalam kalangan individu atau sesuatu kelompok manusia. Ia juga boleh dikaitkan dengan pola-pola hubungan dan tingkah lakuyang ditonjolkan atau sesuatu kesan daripada tingkah laku. Apa yang dimaksudkan dengan tingkah laku di sini adalah tingkah laku yang dipengaruhi oleh faktor sosial, politik, kelompok masyarakat dan persekitaran. Selain itu, ia juga merupakan suatu kajian yang mengkaji tentang struktur sosial, tindakan sosial, budaya, interaksi sosial, masalah sosial atau umumnya tentang kehidupan sosial sesebuah kelompok manusia. Sebagaimana disiplin psikologi, disiplin sosiologi juga mempunyai pecahan seperti sosiologi organisasi, sosiologi politik, sosiologi pendidikan, sosiologi ekonomi dan lain-lain. Oleh itu, matlamat bagi disiplin sosiologi ini adalah untuk menyebarkan kefahaman tentang perkelompokan masyarakat seperti cara mereka berkembang, berubah dan kesannya.

Seperti yang kita ketahui, sepanjang tahun 2020 adalah sangat mencabar berikutan belakunya penularan wabak Covid 19 yang bukan sahaja melibatkan negara kita sahaja malah penularannya adalah secara global. Justeru itu, penyebaran jangkitan koronavirus juga telah memperlihatkan kepada kita akan perubahan corak kehidupan masyarakat. Apa yang dimaksudkan di sini adalah apabila kehidupan seharian yang diamalkan oleh masyarakat sejak sekian lamanya mengalami perubahan yang sangat drastik dan mendadak apabila masyarakat terpaksa menyesuaikan diri mereka dengan norma baharu.

Antara perubahan yang terpaksa dilalui oleh masyarakat ekoran berlakunya penularan wabak ini adalah apabila wujudnya kawalan pergerakan dalam kalangan mereka. Hal ini adalah kerana bagi menghalang penularan virus ini dari terus berleluasa, pergerakan manusia di seluruh dunia sememangnya perlu dihadkan. Malah, kawalan pergerakan yang diwujudkan ini adalah diwajibkan bagi semua lapisan masyarakat tidak mengira pangkat mahupun usia.

Oleh itu, antara golongan masyarakat yang terkesan dari segi sosiologinya ini adalah sudah tentu daripada golongan karyawan, pendidik, pelajar dan yang seumpama dengannya.

Bidang pendidikan misalnya mengalami perubahan yang sangat ketara apabila terpaksa berlaku banyak perubahan dari segi sistem pembelajaran dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga pelbagai penerimaan dan permasalahan yang terpaksa dihadapi oleh kedua-dua pihak iaitu pendidik dan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana norma baharu telah mengheret sektor pendidikan negara kita ke arah penggunaan teknologi dan gajet secara maksima. Justeru iu, perkara ini telah membuktikan kepada kita bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang sering dijalankan terpaksa diubah kepada kaedah pengajaran secara dalam talian. Kaedah ini juga dikatakan bertujuan bagi membendung pandemik yang dialami dari terus merebak.

Bukan sahaja mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan malahan golongan pekerja atau para karyawan juga mengalami perubahan dalam kualiti kehidupan mereka. Kehidupan seharian yang sudah kebiasaannya dijalani oleh golongan ini juga mengalami perubahan hampir 360 darjah. Hal ini dapat dijelaskan apabila wujudnya kawalan pergerakan, golongan pekerja dan karyawan ini diminta untuk bekerja dari rumah (work from home). Mereka juga terpaksa menggunakan teknologi semaksimal mungkin sebagaimana yang dihadapi oleh golongan pendidik dan pelajar. Oleh itu, mereka yang terlibat dengan situasi sebegini perlu menyesuaikan diri mereka dengan penggunaan medium teknologi seperti Google Meet, aplikasi Zoom dan yang seumpamanya.

Hubungan atau tingkah laku yang ditonjolkan dalam kalangan masyarakat juga turut menyumbang dalam kualiti kehidupan sesuatu masyarakat itu. Sepanjang tahun 2020, masyarakat terpaksa menjalani hubungan sesama mereka dalam bentuk norma baharu. Hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila kerajaan telah mengeluarkan perintah untuk semua lapisan masyarakat menjaga penjarakan sosial dalam kehidupan seharian mereka. Buktinya setiap individu pada tahun 2020 telah ditetapkan untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di tempat awam seperti yang disarankan. Oleh itu, dengan wujudnya peraturan baharu seperti ini ianya sekaligus telah menjejaskan hubungan antara individu secara tidak langsungnya.

Antara bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat mengalami permasalahan dari segi perhubungan dalam kalangan mereka adalah apabila mereka terpaksa berkomunikasi secara maya sahaja. Pertemuan dan perjumpaan yang sudah menjadi kebiasaan yang dijalani sebelum ini terpaksa ditinggalkan buat sementara waktu sehingga masalah penularan wabak

ini beransur pulih. Lebih menyedihkan lagi adalah anak-anak yang bekerja atau belajar di bandar tidak dapat pulang menziarahi keluarga tercinta termasuklah juga tidak dapat pulang merayakan perayaan masing-masing dengan keluarga tercinta pada tahun 2020 ini. Selain itu, bagi mereka yang masih dapat berjumpa kerana berada dalam daerah atau negeri yang sama, mereka juga dihalangi dengan kewujudan norma baru ini. Misalnya masyarakat kini sudah lagi tidak bersalaman antara satu sama lain. Gara-gara penularan virus yang boleh mengjangkiti manusia menerusi sentuhan, masyarakat dinasihatkan untuk mengelakkan aktiviti secara sentuhan. Oleh itu, perbuatan seperti bersalaman, berpelukan dan sebagainya telah digantikan dengan perbuatan seperti mengangguk kepala atau meletakkan tangan di dada sebagai tanda hormat atau salam.

Berikutan wujudnya perubahan dari segi sosiologi ini, ia juga sekaligus telah memperlihatkan kepada kita trend penurunan dalam kualiti kehidupan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian adalah kerana masyarakat terpaksa mengadaptasikan diri mereka dengan situasi yang sangat berbeza dari kebiasaannya. Selain itu, antara sebab dikatakan bahawa kualiti kehidupan masyarakat terjejas adalah kerana masyarakat juga mungkin agak kurang produktif. Hal ini adalah kerana tiada perjumpaan atau pertemuan yang dapat dijalankan secara bersemuka. Kegagalan pertemuan secara bersemuka ini sekaligus telah meninggalkan kesan bagi masyarakat untuk fokus terhadap kehidupan seharian mereka kerana setiap masyarakat adalah saling bergantung antara satu sama lain.

Walaupun dikatakan bahawa kualiti kehidupan masyarakat semakin terjejas, kita juga perlu melihat situasi ini dari sudut positif. Misalnya, jika dilihat dari sudut positifnya masyarakat di negara kita kini sudah menunjukkan trend celik IT yang tinggi. Mana tidaknya, penularan wabak yang melanda di negara kita telah mengubah corak kehidupan masyarakat dengan penggunaan teknologi yang maksima bagi kekal berhubung antara satu sama lain. Selain itu, masyarakat juga telah lebih terdedah dengan pendidikan kesihatan dan lebih memahami etika kesihatan awam. Jika sebelum ini masyarakat kurang terdedah dengan ilmu-ilmu berkaitan kesihatan jadi kebiasaan yang dijalani ketika norma baharu dan sedikit sebanyak akan menyedarkan masyarakat terhadap kepentingan menjaga kebersihan dan kesihatan masing-masing. Jadi jelaslah disini bahawa terdapat dua pendapat yang boleh diperolehi tentang kualiti kehidupan masyarakat selepas pandemik dalam disiplin sains sosial dari segi sosiologi.

#### **4.0 KUALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT SELEPAS PANDEMIK COVID-19 DALAM DISIPLIN SAINS SOSIAL DARI SEGI GEOGRAFI**

Manakala, disiplin sains sosial dari geografi pula dapat kita takrifkan sebagai suatu kajian terhadap aspek-aspek semula jadi. Ia juga berkaitan tentang bagaimana aspek semula jadi tersebut mampu mempengaruhi kehidupan manusia dan juga masyarakat. Selain itu, disiplin geografi ini juga mengkaji tentang bagaimana alam semula jadi mempengaruhi perkembangan kebudayaan sesuatu kelompok manusia. Misalnya kajian mengenai manusia, kawasan dan persekitarannya dari aspek ruangan dan menghargai saling kebergantungan antara manusia dan alam fizikalnya. Terdapat dua sub disiplin geografi ini iaitu geografi fizikal dan juga geografi manusia. Geografi fizikal adalah kajian yang berkaitan dengan proses alam semula jadi dan akibatnya seperti tanah tanih, pola cuaca, pembentukan muka bumi dan sebagainya. Manakala geografi manusia pula adalah kajian terhadap aktiviti organisasi manusia dan juga hubungan manusia dengan persekitarannya. Oleh itu, tujuan disiplin ini adalah untuk menyampaikan maklumat tentang proses fizikal yang berlaku di bumi dan pembangunan manusai pada semua peringkat.

Kebanyakan kualiti kehidupan masyarakat selepas pandemic boleh dilihat apabila wujudnya penularan wabak koronavirus. Hal ini dikatakan demikian kerana hampir sepanjang tahun negara dan seluruh dunia terpaksa menghadapinya. Berikutan itu, dari segi geografinya boleh dikatakan bahawa kualiti kehidupan masyarakat dilihat semakin baik. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kawalan pergerakan manusia yang telah dihadkan sepanjang tahun 2020. Data yang direkodkan telah menunjukkan bahawa apabila manusia menghentikan 'aktiviti' mereka, maka alam sekitar dapat diselamatkan dan sekaligus berjaya untuk dipulihkan daripada kebiasaannya.

Antara bukti yang menunjukkan bahawa kualiti kehidupan masyarakat selepas pandemik semakin baik dari segi geografi ini adalah apabila berlaku penurunan kadar nitrogen dioksida ekoran perintah kawalan pergerakan yang dijalankan oleh negara. Ia juga telah menunjukkan bahawa masyarakat kini dapat hidup dengan lebih baik dengan kualiti udara yang semakin membaik dari masa ke semasa. Selain itu, Sungai Kim Kim yang dahulunya sangat terkenal dengan pencemaran sisa toksik, bahan kimia dan sebagainya kini telah berubah menjadi semakin jernih. Buktinya kelihatan ikan-ikan kecil berenang-renang yang mustahil untuk dilihat sebelum ini. Malah, Sungai Melaka yang dahulunya juga berkeladak dan berwarna coklat kini telah berubah jernih dan berwarna kehijauan.



Selain itu, bukti lain yang menunjukkan bahawa kualiti kehidupan masyarakat dari segi geografi semakin membaik adalah apabila berlakunya penurunan secara mendadak terhadap pembebasan gas yang dihasilkan. Buktinya, menurut penyelidik daripada New York ada menyatakan bahawa karbon monoksida yang bersumber daripada pelepasan asap kereta telah menunjukkan trend penurunan sebanyak 50 peratus berbanding tahun sebelumnya, 2019. Manakala, asap kenderaan dan aktiviti perindustrian yang merupakan penyumbang karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) kedua tertinggi di Malaysia iaitu pada kadar 23 peratus juga dapat dikawal ke tahap paling minimum. Tambahan, semua aktiviti manusia yang telah diberhentikan terhadap udara, air dan tanah ini juga telah memberikan kesan kepada lapisan ozon untuk bercantum semula dek kerana kerakusan manusia sebelum ini. Hal ini telah memberikan kesan yang baik serta secara tidak langsung terhadap kadar pencemaran udara serta pelepasan gas rumah kaca ke sistem iklim global.

Selain daripada penurunan tahap pencemaran, pencemaran sungai juga telah menunjukkan kadar penurunan yang luar biasa sepanjang tahun 2020. Sumber air yang bersih bukan sahaja penting bagi kehidupan seharian manusia malah hidupan air terutama di laut juga terjamin. Selama beberapa dekad, keadaan sungai, laut dan tasik di negara tercemar teruk akibat kegiatan perindustrian, pertanian dan sebagainya. Ia juga turut membuktikan bahawa kualiti kehidupan masyarakat semakin membaik apabila pencemaran air menurun dan bertambah bersih berikutan sumber industri utama seperti pembuangan sisa kilang dan minyak mentah yang mencemarkan ekosistem akuatik telah terhenti. Misalnya, menurut Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) menyatakan bahawa 28 peratus daripada 29 bacaan di stesen pemantauan air automatik di seluruh dunia merekodkan berlakunya peningkatan kualiti air pada akhir fasa pertama Perintah Kawalan Berkurung diadakan. Manakala sungai di Lembah Klang yang padat dengan kawasan perindustrian juga menunjukkan bacaan Indeks Kualiti Air (WQI) Kelas III hampir 90 peratus berbanding tahun 2019.

Justeru itu, ia juga sekaligus telah menunjukkan bahawa manusia selama ini dengan rakusnya telah mengganggu ekosistem alam seperti pemusnahan hutan, pencerobohan ke atas habitat haiwan dan kehilangan biodiversiti. Malah apa yang lagi teruknya adalah apabila 'gangguan' yang dilakukan oleh manusia adalah semata-mata untuk memenuhi keperluan manusia yang tidak pernah puas sementara planet ini pula mempunyai keupayaan terhad. Jadi sudah tibanya masa untuk manusia berusaha memahami serta menghayati batasan mereka yang boleh dilakukan ke atas alam semesta ini sebelum terjadi perkara yang tidak diingini berlaku.

## **5.0 KUALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT SELEPAS PANDEMIK COVID-19 DALAM DISIPLIN SAINS SOSIAL DARI SEGI POLITIK**

Selain itu, disiplin sains sosial dari segi politik pula membawa maksud tentang suatu kajian berkenaan peraturan sosial bagi menjaga keamanan dan keteraturan dalam, sesebuah kelompok manusia. Bukan itu sahaja, ia juga melibatkan sebuah kajian berkenaan sumber kuasa, penggunaan kuasa, pengagihan kuasa, perolehan kuasa, perebutan kuasa, proses mengawal dan juga menghad penggunaan kuasa di samping mengkaji peranan individu dan institusi politik seperti kerajaan, parti-parti politik dan juga organisasi. Seperti yang dapat dilihat, melalui aspek politik ini kita dapat mengkaji isu-isu seperti konflik dan kestabilan politik, organisasi politik, sistem pentadbiran, undang-undang, hubungan antarabangsa, dasar awam dan sebagainya. Malah, sebagaimana aspek sebelum ini, aspek politik juga mempunyai sub disiplin yang mana ianya melibatkan hal berkenaan ekonomi politik, perhubungan antarabangsa, pentadbiran awam dan lain-lain. Justeru itu, kajian ini membawa matlamat untuk menyampaikan maklumat tentang sistem kerajaan, proses pentadbiran, proses politik bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan.

Dari segi politik, kualiti kehidupan masyarakat selepas pandemik Covid-19 boleh dikatakan akan menjadi semakin terjejas dan tidak sistematik seperti yang dirancang. Hal ini dikatakan demikian kerana boleh dikatakan terdapat hampir keseluruhan perancangan negara tergendala dan terkesan akibat wabak koronavirus yang melanda. Buktinya, sejak awal tahun 2020 negara dikejutkan dengan kehadiran wabak Covid-19 secara tiba-tiba dan menyebabkan kerajaan tidak mampu menyediakan persiapan yang rapi secara keseluruhan bagi menghadapi masalah tersebut. Oleh kerana tiada persiapan yang baik dari pihak kerajaan, kehidupan rakyat akan menjadi bertambah rumit dan sukar kerana boleh dikatakan bahawa pihak kerajaan memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kehidupan masyarakat.

Bagaimana kualiti kehidupan masyarakat boleh dikatakan akan semakin terjejas dari segi politik ini adalah kerana keadaan politik negara yang tidak matang. Hal ini dapat dibuktikan apabila berlakunya perebutan kuasa yang semakin menjadi-jadi di negara kita. Karenah politik ini dapat kita lihat sejak Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) dan ianya tidak menunjukkan tanda-tanda untuk berakhir. Walaupun undang-undang mengizinkan pertukaran kerajaan dan perebutan kuasa tetapi pemimpin yang bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu langkah politik perlulah memastikan rakyat tidak terkesan daripada tindakan tersebut.

Apa yang dimaksudkan disini adalah pemimpin perlulah menjaga keselamatan rakyat supaya tidak mendatangkan mudarat kepada rakyat dan negara.

Justeru itu, para pemimpin seharusnya ketepikan hal perebutan kuasa politik buat seketika. Malah, tindakan yang lebih bijak adalah ahli politik ini seharusnya menyelesaikan masalah politik dengan sebaiknya di medan rundingan daripada menyelesaikan di medan pertarungan pilihan raya. Tambahan lagi, dalam keadaan negara yang dilanda wabak berbahaya ini, tindakan ahli-ahli politik untuk mengadakan PRU bagi menyelesaikan kemelut politik adalah sangat tidak sesuai. Bukan hanya itu sahaja, jika dilihat dari segi keadaan kewangan negara juga tidak mengizinkan dan ditambah juga dengan keadaan rakyat yang tidak bersedia.

Kualiti kehidupan masyarakat yang dikatakan semakin memburuk dari aspek politik ini adalah apabila dengan wujudnya sifat pentingkan diri ahli-ahli politik dalam negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana rata-rata ahli politik di negara kita masih berpegang dengan pendirian mereka untuk menjadi kuasa terhebat dalam kerajaan. Jadi, bagi merealisasikan impian dan hasrat itu, mereka sanggup mengadakan PRU dan PRN walaupun dalam keadaan sebegini. Kesan yang dapat kita lihat melalui tindakan kurang wajar ahli politik ini adalah rakyat di Sabah misalnya terlibat secara langsung dalam penularan wabak Covid-19 yang akhirnya telah mewujudkan satu kluster baru dalam penularan wabak ini. Hal sebegini perlulah diberi perhatian kerana penularan virus akibat PRN berkenaan amat membebankan rakyat dan negara.

Selain itu, boleh dikatakan bahawa rakyat rata-ratanya sudah muak dengan keadaan politik perebutan kuasa yang berlaku di negara kita. Misalnya, sejak Jun 2018 bersamaan 22 bulan negara berada di bawah pentadbiran Pakatan Harapan (PH), perebutan dalaman antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat semakin menjadi-jadi. Perebutan kuasa antara kedua-dua pemimpin ini hanyalah membuatkan rakyat semakin gelisah dan bosan terhadap pemimpin-pemimpin tersebut. Kesudahannya, Dr. Mahathir meletakkan jawatan dan parti Pakatan Harapan (PH) mula kehilangan kuasa. Setelah itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula dilantik dan kerajaan baru dibentuk. Namun dengan wujudnya kerajaan baru ini, rakyat dikatakan semakin lega kerana keselamatan dan kehidupan rakyat menjadi tumpuan utama kerajaan.

Kestabilan politik juga dikatakan sangat penting dalam kualiti kehidupan rakyat kerana ekonomi negara sangat bergantung kepadanya. Hal ini dikatakan demikian kerana

sekiranya politik negara tidak stabil, keadaan ekonomi negara tidak dapat dipulihkan dan akhirnya akan menjejaskan kualiti kehidupan masyarakat secara langsung. Menurut bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, ketidakstabilan politik di Malaysia ketika ini boleh mengganggu usaha pemulihan dan penjana semula ekonomi negara. Tambahnya, beliau mengambil contoh sekiranya ingin meraih kembali kepercayaan pelabur, negara perlu menghantar pesanan yang jelas kepada pelabur bahawa negara berada dalam keadaan yang stabil dan kerajaan masih mampu mentadbir negara dengan aman. Namun keadaan politik di negara kita dilihat adalah sebaliknya dan akhirnya rakyat semakin terkesan kerana jatuhnya ekonomi negara.

Tambahan pula, seawal tahun 2020 juga landskap politik negara telah menunjukkan perubahan yang sangat luar jangkaan kita semua. Buktinya kita telah melihat sebuah harapan yang akhirnya bertukar menjadi pengkhianatan dalam politik negara. Ia kemudiannya berlanjutan kepada perampasan kuasa yang tiada penghujung. Lonjakan besar yang boleh dilihat adalah ketika PRU-14 yang bertukar secara mendadak selepas reformasi 22 bualan terenjat oleh konspirasi politik yang penuh drama. Akhirnya keadaan politik negara kembali kepada pergolakan dan percaturan yang melelahkan.

## **6.0 KESIMPULAN**

Tuntasnya, terdapat pelbagai kesan yang telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam terhadap rakyat. Malah boleh dikatakan juga bahawa masyarakat terpaksa menanggung beban dan akibat dari pelbagai aspek seperti psikologi, sosiologi, geografi dan juga politik. Kehadiran wabak yang tiada berkesudahan melanda negara pada tahun 2020 telah mengakibatkan rakyat terpaksa menjalani kehidupan mereka dalam norma yang baru. Ini bermaksud kebiasaan dan kebiasaan yang diperolehi oleh masyarakat pada sebelum ini terpaksa ditukar dan disesuaikan dengan keadaan semasa negara.

Ringkasnya, kualiti kehidupan masyarakat selepas pandemik ini dilihat kurang baik jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Hal ini kerana rata-rata masalah yang dihadapi oleh masyarakat samaada dari aspek psikologi, sosiologi, geografi mahupun politik dikatakan adalah berpunca daripada penularan wabak yang melanda negara. Sungguhpun begitu, kita juga tidak dapat menafikan bahawa ianya bukanlah telah menyebabkan kualiti kehidupan masyarakat musnah secara keseluruhan. Hal ini kerana dapat dilihat bahawa masyarakat di negara kita ini sememangnya bijak mengatasi masalah yang melanda. Pelbagai usaha yang

dilakukan oleh mereka dengan pelbagai cara dan kaedah yang baru dan tidak dijangka. Oleh itu, tidak dapat kita nafikan bahawa masyarakat juga memperoleh kebaikan dan manfaat tertentu daripada apa yang berlaku sepanjang tahun 2020 ini.

Akhir sekali, jelaslah bahawa perjalanan sejarah sepanjang tahun 2020 adalah amat luar biasa. Keadaan ini dikatakan sama sahaja jika dilihat samaada dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak ada yang menyangka bahawa tahun 2020 akan membawa musibah yang melanda dunia pada skala luar biasa parahnyanya. Apa yang jelasnya pula adalah tahun 2020 juga memperlihatkan kepada kita wajah baru yang serba kritikal serta tidak menentu.